

RAWATAN WASWAS MENERUSI PENDEKATAN BIOPSIKOSOSIAL SPIRITUAL
MENURUT PERSPEKTIF SARJANA ISLAM: SATU KAJIAN AWAL

Mohd Zahir Bin Abdul Rahman^{1,a}, Robiatul Adawiyah Mohd@Amat^{2,b},
Zul Azlin Razali^{3,c}, Mohd Zohdi Mohd Amin^{4,d}

^{1,2,3,4}Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,Universiti Sains Islam Malaysia

^amx_rahman@yahoo.com, ^b adawiyah@usim.edu.my,
^czulazlin@usim.edu.my, ^d zohdi@usim.edu.my

Kata Kunci: Rawatan, Waswas, Kecelaruan Obsesif Kompulsif (OCD), Biopsikososial Spiritual, Holistik, Sarjana Islam.

Abstrak. Waswas atau kecelaruan obsesif kompulsif (OCD) merupakan antara sepuluh beban penyakit utama di seluruh dunia yang diklasifikasikan oleh World Health Organization (WHO) (Murray, 1996). Kupasan terhadap isu, rawatan dan penyelidikan terhadap waswas atau OCD banyak dirujuk kepada psikiatri moden dan klinikal psikologi. Sehubungan dengan itu, pendekatan rawatan yang bersifat biopsikososial spiritual telah dianggap sebagai rawatan holistik dalam rawatan mental dan fizikal. Walau bagaimanapun, pendekatan rawatan ini kurang diketengahkan kepada masyarakat khususnya yang melibatkan rawatan waswas atau OCD. Justeru, objektif kajian adalah untuk mengumpul dan mengenal pasti fokus rawatan waswas oleh sarjana Islam yang terpilih berteraskan empat domain hidup iaitu biologi, psikologi, sosial dan spiritual. Manakala dari aspek metode, kajian mengaplikasi sepenuhnya kajian kualitatif berasaskan pendekatan dokumentasi. Hasil kajian mendapati, terdapat 10 terapi berasaskan biologi, 6 pendekatan menerusi psikologi, 3 pendekatan bersifat sosial dan 2 amalan beserta 8 doa sebagai pendekatan rawatan yang bersifat spiritual. Kajian ini penting untuk masyarakat Islam bagi memberi kefahaman terhadap keseimbangan dan kesepaduan empat elemen ini untuk mengatasi gangguan waswas dan tidak hanya tertumpu kepada pendekatan rawatan bersifat spiritual.

PENGENALAN

Waswas merupakan perkataan bahasa Arab yang sering kali digunakan dalam penulisan dan perkataan dalam bahasa Malaysia. Menurut Rozanizam (2015) mengaitkan OCD dengan waswas yang melampau. Terdapat sebanyak lima perkataan waswas di dalam al-Quran dibawah kata kunci *al-waswās*, *waswas*, *yuwaswis*, *fawaswas* dan *tuwaswisu* dalam empat surah iaitu surah al-Nās, al-A’rāf, Ṭoha dan Qāf (al-Baqiy, 2002). Dari sudut bahasa Arab, waswas diambil dari huruf و dan س iaitu [وسّ] maka menjadi [وسس] yang memberi makna “bisik” kemudian diulang sebanyak dua kali maka menjadi [وسوس] yang membawa maksud suara halus atau suara perlahan seperti angin. (Ibn Manzūr, 1990).

Secara umumnya, terdapat dua kumpulan dalam membahaskan waswas dalam konteks istilah. Kumpulan pertama menjelaskan waswas merupakan suara yang tersembunyi atau bisikan hati berpunca daripada syaitan (Imam al-Qurṭūbī, 2006), (al-Ṭabarī, 1994) dan (Ibn Kathīr, 1999). Manakala kumpulan kedua mendefinisikan waswas sebagai bisikan kejahatan dalam jiwa dan fikiran yang penuh keterpaksaan yang berasal daripada suara yang menarik perhatian dan suara yang samar-samar yang perlahan yang tidak mempunyai kebaikan sehingga memberi kesan kepada tindakannya (Ṭontāwī, 1985:31 al-Kafawīy, 1998: 941; al-Syarqāwī, 2002:127 al-Raghib al-Asfahānī, 2009:869; Ibn Qayyim, tth: 608; Dusuki, 2012: 939). Definisi ini telah diperincikan oleh sarjana Islam yang lain. Antaranya al-Mawardīy, tth yang membahagikan punca waswas kepada dua iaitu syaitan dan hawa (keinginan). Keinginan yang dimaksudkan adalah keluarnya keyakinan dalam jiwa seseorang akibat dari bisikan halus sehingga terpedaya terhadap diri sendiri.

Al-Baqalī (2008: 537) menyatakan terdapat tiga peringkat waswas iaitu bermula dengan waswas melalui bisikan dalam hati yang cenderung kepada syahwat. Peringkat kedua, waswas daripada syaitan yang cenderung kepada kekufuran, bid’ah dan melampau batas. Manakala peringkat ketiga daripada waswas yang melampau yang terarah kepada pembaziran. Al-Khazin (2004:503) menjelaskan bahawa bisikan ini difahami oleh hati tetapi tidak didengari oleh pendengaran. Sehubungan dengan itu, dapat difahami bahawa waswas merupakan bisikan secara keterpaksaan di dalam diri manusia samada dipengaruhi oleh syaitan ataupun jiwa seseorang sehingga menjadikan tindakan dalam perbuatan itu berlaku secara berulang kali sebagai solusi sehingga mencetuskan kebimbangan dan kerisauan.

PERMASALAHAN KAJIAN

1. Apakah definisi waswas dari aspek bahasa dan istilah?
2. Apakah elemen biopsikososial spiritual yang dipraktikkan oleh sarjana Muslim dalam rawatan waswas?

KEPERLUAN PENDEKATAN BIOPSIKOSOSIAL SPIRITUAL DALAM RAWATAN WASWAS

Pendekatan biopsikososial telah diperkenalkan oleh George Engel pada tahun 1977 untuk menggantikan konsep biomedik. Konsep biomedik adalah konsep yang terarah kepada pemulihan kesihatan melalui aspek biologi seperti ubat-ubatan, Andri (2011). Namun, pendekatan spiritual tidak diletakkan seiring dengan pendekatan biopsikososial ini. Pada era 20 an, telah wujud kesedaran sarjana Barat terhadap elemen spiritual dalam rawatan mental menerusi penulisan akademik dalam jurnal seperti (Baetz & Toews, 2009), (Boehnlein, 2006), (Koenig, 2000). Pendekatan spiritual dianggap mampu melengkapkan rawatan psikologi dan psikiatri dalam OCD, William (2010). Pada tahun 2015 dan 2016 kajian secara spesifik terhadap pendekatan biopsikososial spiritual telah dipraktikkan dalam konteks penagihan dadah dan stress (Ghaferi et al. 2016; Elias ACA et al., 2015). Kombinasi elemen biologi, psikologi, sosial dan spiritual dikenali sebagai terapi holistik (Dadang, 1997; Hatta, 2016). Pendekatan holistic merujuk kepada kaedah rawatan mental dan masalah kekeluargaan yang terbabit dengan (English Medical Dictionary, 2005). Walau, bagaimanapun, psikiatri moden gagal untuk mengetengahkan rawatan yang bersifat holistic dalam rawatan waswas atau OCD (Khairul Azhar, 2018).

OBJEKTIF KAJIAN

1. Untuk mengenal pasti pengertian waswas dari aspek bahasa dan istilah.
2. Untuk mengenal pasti elemen biopsikososial spiritual dalam rawatan waswas oleh sarjana Muslim terpilih.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif secara analisis kandungan berdasarkan pandangan sarjana Islam terpilih. Karya-karya ini dikaji dan dikeluarkan pandangan mereka terhadap terapi waswas samada bersumberkan kitab berbentuk buku dan format pdf. Aplikasi atas talian turut diaplikasi sebagai pemudah cara. Kata kunci yang digunakan adalah waswas, yuwaswis, muwaswis, al-wasāwis. Bagi merealisasikan kajian ini penelitian terhadap kajian-kajian lepas berkaitan rawatan yang dikemukakan oleh sarjana Islam dijalankan seterusnya menggumpul dan mengemukakan terapi-terapi waswas yang telah dikemukakan dalam karya mereka kepada beberapa empat elemen domain hidup iaitu biologi, psikologi, sosial dan spiritual agar yang mudah difahami dan dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

KAJIAN LITERATUR

Pendekatan Biopsikososial Spiritual Rawatan Sarjana Islam Terhadap Waswas. Pandangan dan karya sarjana Islam terdahulu menjadi asas kepada rujukan sarjana Islam pada zaman kini. Kemampuan dari aspek pengalaman rohani dan ilham yang dikurniakan Allah SWT kepada mereka dijadikan sumber rujukan selepas wafatnya Rasulullah SAW dan para sahabat. Justeru, kajian ini cuba untuk menggumpulkan sebahagian pandangan sarjana Islam terhadap rawatan bagi waswas. Berikut merupakan rumusan rawatan sarjana Islam terpilih terhadap waswas bermula pada abad ke 8 sehingga abad ke 19:

BIL	PANDANGAN SARJANA ISLAM	ABAD	PENDEKATAN RAWATAN WASWAS
1	Abu Sulaiman al-Darani (830M)	8	“Apabila merasai waswas, bergembiralah, kerana jika bergembira, waswas itu akan terputus daripadamu. Tidak ada sesuatu yang paling dibenci oleh syaitan daripada kegembiraan orang yang beriman. Jika bersedih hati waswas itu akan bertambah-tambah lagi menyerang dirimu”.(Nawawi 2005), (Yahya, 2004), (Al-Bakri, 1997).
2	Abu Zaid Al-Balkhi (850-934M)	8-9	Mencadangkan dua kaedah rawatan iaitu Terapi luaran dan terapi dalaman (Al-Balkhi, 2005). (Rizal, 2009). Terapi Luaran: 1- Mengelak daripada bersendirian 2- Melibatkan aktiviti berbentuk hobi dan rekreasi. 3-Mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Terapi Dalaman: 1-Terapi kognitif perilaku (CBT).

BIL	PANDANGAN SARJANA ISLAM	ABAD	PENDEKATAN RAWATAN WASWAS
3	Ibn Hajar al-Haitami (965-1030M)	9-10	1. Tidak menghiraukannya. 2. Sedar bahawa waswas itu daripada syaitan. 3. Terapkan dalam hati bahawa agama Islam itu mudah. 4. Belajar dengan tekun kerana kebiasanya orang waswas disebabkan kerana belum faham betul tentang ibadah yang dia lakukan. 5. Bacalah لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ 6. Membaca ta’awwuz (أعوذ بالله من الشيطان الرجيم) 7. Waswas hanya akan mendatangi orang yang diliputi kebodohan dan tidak faham, sehingga menjadi orang yang tidak punya kemampuan untuk membezakan. (al-Fatawa)
4	Al-Qushairiy (986- 1074 M)	9-10	Menukilkan dari Imam al-Junaid: “Bisikan nafsu menginginkan kamu dengan suatu keinginan dengan mengulang-ulang bisikannya secara berterusan sehingga berhasil. Cara rawatannya hanya terus menerus mujahadah dengan baik. Manakala bisikan syaitan mengajak ke arah kejahatan lalu kamu menentangnya dengan cara mengabaikan bisikan ini sehingga syaitan memerlukan usaha yang lain dalam proses bisikan jahat.”(al-Qushairiy, 1988).
5	Al-Ghazali (1058-1111M)	10-11	“Jika fikiran masih bercelaru, maka hendaklah meninggalkan perkara-perkara dunia yang menjadi kesukaan hawa nafsunya yang merupakan perangkap syaitan. Perkara-perkara yang mengganggu fikiran dapat dicegah dengan menolak penyebabnya. Oleh itu, selidikilah penyebab gangguan itu. Penyebab-penyebab itu sama ada berunsur persekitaran atau dalam diri sendiri. Adapun penyebab persekitaran adalah apa-apa yang terdengar oleh telinga atau ternampak oleh mata.”(al-Ghazali, 2004).
6	‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam (1182-1262M)		“Meyakini bahawa beliau sedang melawan iblis, sehingga mendapat pahala berjihad, kerana sesungguhnya beliau sedang memerangi musuh Allah, maka apabila merasakan keraguan (waswas) segera beliau menghindarinya”.(al-Fatawa).
7	Hasan Al-Syadzili (1197- 1258M)		“Barang siapa yang merasa seperti itu (waswas) maka hendaklah meletakkan tangan kanan di dadanya dan bacalah tujuh kali: سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْقُدُّوسِ الْخَلَّاقِ الْفَعَّالِ
		11-12	Terjemahan: Maha Suci Allah yang Maha Berkuasa, yang Maha Suci (dari kekurangan), yang Maha Menciptakan (sekalian makhluk) dan yang Maha Melakukan (apa yang dikehendakiNya). kemudian dilanjutkan dengan membaca surah Fatir ayat 16-17 إِنْ يَشَأْ يُذْهِبْكُمْ وَيَأْتِ بِخَلْقٍ جَدِيدٍ وَمَا ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ بِعَزِيزٍ
			Terjemahan: Jika Dia kehendaki nescaya dibinasakanNya kamu (dengan sebab kekufuran kamu) dan didatangkan pula dengan makhluk-makhluk yang baharu. Dan yang demikian itu tidaklah sukar bagi Allah melakukannya Ini dibaca sebelum takbiratul ihram (Nawawi al-Jawi, 2002).
8	Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1292-1350M)	12-13	Mencadangkan terapi keseimbangan dalam mencegah dan merawat OCD seperti bertaubat, memperbanyakkan ibadah dan mengamalkan pembersihan jiwa (<i>Tazkiyah al-Nafs</i>) dan merasionalkan fikiran dengan mengantikan pemikiran negatif kepada pemikiran positif. (Rizal, 2009).

BIL	PANDANGAN SARJANA ISLAM	ABAD	PENDEKATAN RAWATAN WASWAS
9	Jamal al-Din Muhammad ‘Abd al-Rahman (1381M) (al-Wussabi, 2015).	13	1. Memakai pakaian bersih, menjaga kebersihan rumah, memakai cincin ‘aqiq, memakai kasut berwarna kuning, memanah, berenang dalam air, melihat kepada kebun-kebun yang menghijau, melihat air yang bergerak, melihat kepada al-Quran dan melihat kepada orang yang soleh. 2. Membaca doa pagi dan petang. اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ وَالْبَخْلِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ غَلَبَةِ الدَّيْنِ، وَقَهْرِ الرِّجَالِ
			3. Membaca sebanyak tujuh kali doa: اللَّهُ رَبِّي لَا أُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا
			4. Banyakkan membaca بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ وَلَا مَلْجَأَ مِنَ اللَّهِ إِلَّا إِلَيْهِ وَحَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ
10	Syah Waliyullah ad-Dehlawi (1703- 1762M)	17	“Jika was-was itu datang dengan kepercayaan bahawa ia adalah suatu yang keji maka ia merupakan tanda kekuatan iman seseorang. Ya! Orang yang mempunyai hati yang bersih tidak akan merasai sebarang kesan daripada bisikan-bisikan seumpamanya”.(Dehlawi, 2015).
11	Bediuzzaman Said Nursi (1878-1960M)	18-19	1. Membiarkan khayalan itu tanpa dilayan. 2. Meyakini bahawa kecelaruan fikiran akan terjadi tanpa kehendak sendiri sepertimana kewujudan syaitan dan malaikat di sisi manusia, atau kewujudan orang jahat dan baik di sekeliling manusia begitu juga pemikiran baik dan buruk kerana tidak akan mendatangkan mudarat jika tidak disengajakan. 3. Mengamalkan mazhab ahli sunnah wal jamaah dengan menyakini bahawa perintah Allah s.w.t. adalah baik dan larangan Allah merupakan suatu benda yang buruk. 4. Meyakini Islam agama mudah, lebih afdhal istiqfār jika waswas timbul dari terus tertipu dan terpedaya dengan bisikannya. 5. Mengadu kepada Allah dengan menyebut lafaz isti’azah. (The Words, 2008).

Jadual 1 menunjukkan 11 sarjana Islam yang dipilih dalam kajian ini mengikut tahun kelahiran bermula abad ke 8 sehingga abad ke 19 Masihi. Mereka adalah Abū Sulaimān al-Ḍārānī, Abū Zaid Al-Balkhī, Ibn Ḥajar al-Ḥāṭāmī, al-Qushairīy, al-Ghazālī, ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam, Ḥasan Al-Syadzilī, Ibn Qayyim al-Jauziyyah, Jamāl al-Dīn Muḥammad ‘Abd al-Raḥman, Syah Waliyullah ad-Dehlawi dan Bediuzzaman Said Nursi. Walau bagaimanapun, terdapat persamaan rawatan waswas yang dinyatakan di atas seperti tidak menghirau atau melayan dan berkeyakinan yang kuat untuk melawan bisikan tersebut.

ELEMEN	PENDEKATAN RAWATAN WASWAS
Biologi	Memanah, berenang, memakai cincin aqiq, melihat kepada kebun-kebun hijau, melihat orang soleh, melihat air yang bergerak, melihat kepada al-Quran, memakai kasut berwarna kuning, meninggalkan penyebab kecelaruan berunsur duniawi, melakukan aktiviti rekreasi.
Psikologi	Gembira, tidak menghiraukan bisikan itu, pembersihan jiwa, pemikiran rasional, keyakinan diri, terapi kognitif perilaku (CBT).
Sosial	Belajar dengan tekun, mengelak dari bersendirian, mendapatkan perkhidmatan kaunseling.

ELEMEN	PENDEKATAN RAWATAN WASWAS
	Bertaubat, memperbanyakkan ibadah dan kumpulan doa terapi waswas
	1. لاإله إلاالله
	2. أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
	3. سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْقُدُّوسِ الْخَلَّاقِ الْفَعَّالِ 7x
	4. اِنَّ يَسْأَلُ يَذْهَبُكُمْ وَيَاْتِ بِخَلْقٍ جَدِيْدٍ وَمَا ذٰلِكَ عَلٰى اللّٰهِ بِعَزِيْزٍ
Spiritual	5. اَللّٰهُمَّ اِنِّىْ اَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ، وَاَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ، وَاَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ وَالْبُخْلِ، وَاَعُوْذُ بِكَ مِنْ غَلَبَةِ الدَّيْنِ، وَقَهْرِ الرِّجَالِ
	6. waktu pagi dan petang
	7. بسم الله الرحمن الرحيم ولا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم ولا ملجأ من الله إلا إليه وحسبنا الله ونعم الوكيل.
	8. استغفار

Empat elemen domain hidup iaitu biologi, psikologi, sosial dan spiritual menjadi asas kepada kesihatan fizikal dan mental (Mohamed Hatta, 2001) dan dikenali sebagai terapi holistik (Dadang, 1997). Perkembangan rawatan yang dicadangkan oleh para sarjana Islam dilihat memenuhi kriteria empat domain ini. Untuk rumusan yang lebih jelas, berikut merupakan rumusan terapi-terapi yang dicadangkan oleh para sarjana Islam dalam karya masing-masing.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Terdapat pelbagai pendekatan rawatan yang melibatkan waswas yang dicadangkan oleh para sarjana Islam abad ke 8 sehingga 19 Masihi. Jika dilihat kepada rawatan bersifat biologi terdapat beberapa pendekatan yang pelik untuk di amalan seperti memakai cincin ‘aqiq, memakai kasut berwarna kuning setakat ini pengkaji belum menemui pendekatan seperti ini namun, pengkaji berpadangan warna kuning dalam beberapa laman sesawang yang berhubung dengan aura warna menjelaskan warna kuning terang lebih menunjukkan sifat suka untuk bergaul dan menceritakan idea-idea yang dimilikinya kepada orang lain disamping mereka tidak boleh hidup sendiri (MissMoza, 2015). Seterusnya, perbahasan mengenai cincin ‘aqiq atau dalam Bahasa Inggeris disebut *agate*. Terdapat Hadith dalam riwayat Muslim menyebut cincin Rasulullah SAW itu diperbuat dari perak dan mata cincinya itu mata cincin Habasyi (Muslim). Justeru, perbahasan terhadap batu habasyi menurut (al-Nawawī, 1392H), adalah batu marjan atau batu ‘aqiq. Walaubagaimanapun, kajian tidak menemui secara khusus pemakaian cincin aqiq dari aspek perubatan waswas melainkan hanya mengikuti Rasulullah SAW dari aspek perbuatan pemakaian cincin. Oleh itu, kajian lanjut perlu dilaksanakan samada terdapat pembuktian dari aspek saintifik atau dari sudut pengalaman. Di samping itu, perbincangan rawatan ini tidak hanya melibatkan unsur spiritual atau kerohanian seperti berdoa namun turut sama melibatkan unsur biologi, psikologi dan sosial. Rawatan yang diketengahkan ini diharap menjadi panduan dalam perubatan jiwa khususnya masyarakat Islam. Justeru, hasil daripada kajian ini telah memberikan beberapa maklumat penting tentang rawatan waswas di zaman kegemilangan Islam. Sehubungan dengan itu, diharapkan pengamal perubatan di institut perubatan moden dan pengamal perubatan berteraskan Islam lebih peka dalam mengadaptasi rawatan waswas dengan digabungkan empat elemen ini agar kesihatan masyarakat dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

BIBLIOGRAFI

Abi Zakariya Yahya bin Sharf al-Nawawi al-Dimasyq. (2004). *Hilyah al-Abrar wa Syi’ar al-Akhyar*. Beirut: Dar Ibn

Abu al-Qasim ‘Abd al-Karim al-Hawazin al-Qushairiy. (1988). Risalah al-Qushairiy fi ‘ilm al-Tasawwuf. Beirut: Dar al-Khair. h. 84.

Al-Ghazali. 2004. Ihya’ ‘Ulum al-Din. Al-Qaherah: Dar al- Hadith.

Abdul Latif Abdul Razak. (2014).*Obsessive-Compulsive Disorder: Its What and How from an Islamic Perspective*. Universiti Sultan Azlan Shah: Global Journal al-Thaqafah. Jun. Vol. 4. h. 7.

Abi ‘Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr al-Qurtubi.(2006). *Al-Jami’ Li Ahkam al-Quran*. Beirut: Muassasah al-Risalah, Vol. 9. h. 175.

Avigdor Bonchek dan David Greenberg. 2011. Compulsive Prayer and its Management. Journal Of Clinical Psychology.

Al-Nawawi, Muhyuddin Abi Zakaria Yahya bin Sharf al-Nawawi.(2005). Al-Azkar Min Kalam Sayyid al-Abrar SAW. Beirut: Dar al-Minhaj. h. 230-231.

Abu Zaid al-Balkhi. 2005. Masalih al-Abdan wa al-Anfus. Kaherah.

Al-Bakri al-Dimyati. (1997). I’anah al-Talibin. Beirut: Dar al-Fikr. Jilid 1. h.154.

Al-Fatawa al-Fiqhiyah al-Kubra. Tth. Mesir. Jil 1. h.149-150.

Al-Raqhib al-Asfahani. (2009). Mufaradat al-Faz al-Quran. Dar al-Qalam. h. 869.

Dadang Hawari. 1997. *Al Qur ’an Ilmu Kedokteran Jiwa dan Kesehatan Jiwa*.Yogyakarta: P.T. Dana Bhakti Primayasa. h. 27-28.

Andri. 2011. Konsep Biopsikososial pada keluhan Psikosomatik J Indon Med Assoc, Vol 61 No. 9. 375-379.

Hans Wehr. (tth). *A Dictionary of Modern Written Arabic*. ed 4.Urbana: Spoken Language Services Inc. h. 1070.

Ibn Manzur. 1990. *Lisan al- ‘Arab*. Beirut: Dar al-Sadir.

Ibn Qayyim al-Jauziyyah. tth. Iqashah al-Lahfan Fi Masayid al-Syaitan. Dar ‘Ilm al-Fawaid.

Imam Muslim. Sahih Muslim. Kitab al-Libas wa al-Zinah. Bab Khatm al-Warq Fassuh Habasyiy. No. Hadith 3914.

Jamal al-Din Muhammad ‘Abd al-Rahman bin ‘Umar bin ‘Abdullah al-Hubaishi al-Wussabi. (2015). Kitab al- Nurain Fi Islah al-Darain. Terj. Mohd Zakir bin Majid. Subang Jaya: Dakwah Global Enterprise. h. 25.

Koenig, H.G. 2000. Religion and medicine I: Historical background and reasons for separation. *The International Journal of Psychiatry in Medicine*. Vol. 30. pp. 385-398.

Khairul Azhar. 2018. Temu bual di Institut kefahaman Islam Malaysia. 23 Januari 2018.

Malaysian Mental Heath Association. *Obsesif Kompulsif (OCD)*, <http://mmha.org.my/>, <http://mmha.org.my/obsesif-kompulsif-ocd/>

Miss moza. 2015. Warna Aura Beserta Artinya. <http://www.pusatbukaaura.com/warna-aura-beserta-artinya.html>

Muhyiddin Syarf al-Nawawi. 1392H. al-Minhaj Syarh Shahih Muslim. Beirut: Dar Ihya’ at-Turats al-‘Arabi, cet ke-2. Juz, 14. h. 71.

Muhammad bin ‘Umar Nawawi al-Jawi. (2002). *Nihayah al-Zain fi Irsyad al-Mubtadiin* . Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah. h. 58.

Muhamed Hatta Saharom. 2008. Penyakit Psikiatri, Gangguan Jin dan Keganasan Keluarga.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 267.

Murray CL, Lopez AD. (1996). *The Global Burden of Disease: A Com- prehensive Assessment of Mortality and Disability fromDiseases, Injuries and Risk Factors in 1990 and Projected to 2020*. Cambridge: Harvard University Press.

Nevid J., Rathus, S.A dan Greene. (2000). B Abnnormal Psychology, 4th ed. New Jersey: Prentice Hall.

Rania Awad dan Sara Ali. 2015. Obsessional Disordersinal-Balkhi0s 9th century treatise: Sustenance of the Body and Soul. Journal of Affective Disorders

Rizal Abu Bakar. (2009). *Kaunseling daripada Perspektif Islam Apa, Mengapa dan Bagaimana*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor. h.74.

Syeikh Waliyullah. (2015). Hujjah al-Balighah. Beirut: Dar Jil. h. 282.

The Words. (2008). Turki: Sozlar Publication. h. 281-286.